



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

UMK.PC/B01.02/100-6/1 JLD 2 (26)

27 NOVEMBER 2017

PEKELILING AKADEMIK BIL.4/2017

**PELAJAR BERHUTANG DIHALANG DARIPADA MEMBUAT PRA PENDAFTARAN KURSUS
WAJIB BERMULA SEMESTER SEPTEMBER SESI 2017/2018**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Merujuk kepada Peraturan Akademik Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda (Sepenuh Masa), Edisi Kelima, Peraturan 4.2.2.1 "Pelajar wajib membuat Pra-pendaftaran dan Pendaftaran semua kursus yang diambil pada semester berkenaan secara atas talian dalam tempoh yang ditetapkan Universiti". Sehubungan dengan itu, semua pelajar adalah **DIWAJIBKAN** membuat Pra pendaftaran kursus wajib bagi Semester Februari Sesi 2017/2018. **Pra-pendaftaran kursus wajib bagi Semester Februari Sesi 2017/2018 akan dibuka bermula 17 Disember hingga 23 Disember 2017.**

3. Merujuk kepada peraturan yang sama, Peraturan 4.2.2.10 "Pelajar yang masih berhutang dengan Universiti tidak dibenarkan untuk membuat pendaftaran kursus seperti dalam Peraturan 4.2.2.1 dan Peraturan 4.2.2.2 sehingga hutang diselesaikan, kecuali dengan kebenaran Universiti". **Mana-mana pelajar yang mempunyai baki hutang tertunggak tidak dibenarkan secara automatik daripada membuat Pra pendaftaran kursus wajib.**

4. Semua pelajar adalah diminta untuk menyemak baki hutang tertunggak melalui portal masing-masing bagi mengelakkan dihalang daripada membuat Pra pendaftaran kursus wajib. **Pelajar yang mempunyai baki hutang tertunggak adalah diminta untuk menyelesaikan hutang sebelum 20 Disember 2017.**

Oleh itu, semua kakitangan dan pelajar UMK diminta untuk mengambil maklum mengenai perkara ini.

Sekian, terima kasih.

"RAJA BERDAULAT NEGERI BERKAT"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,

PROF. DR. MOHD HASSAN BIN MOHD OSMAN

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

- s.k. - YBhg. Prof. Dato' Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pendaftar
- Semua Dekan/ Pengarah Pusat
- Edaran